

TARIKH : 17 JUN 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 3
SURAT

Kementerian Ekonomi tak dimansuh

BH Selasa, 17 Jun 2025

Nasional

3

Kementerian Ekonomi tak dimansuh

PM tegaskan tiada keperluan rombak, akan putuskan pengganti menteri pada masa sesuai

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Kementerian Ekonomi tidak akan dimansuhkan susulan peletakan jawatan Datuk Seri Rafizi Ramli berkuat kuasa hari ini.

Perdana Menteri berkata kementerian berkenaan sebaliknya akan diterajui menteri lain yang bakal diputuskan beliau pada masa sesuai selepas ini.

"Saya fikir tidak ada keperluan untuk kita rombak apa-apa setakat ini dan saya ucap selamat maju jaya kepada Rafizi yang telah berkhidmat begitu baik sebagai Menteri Ekonomi."

"Saya akan putuskan pada waktunya mana-mana menteri atau kementerian menjalankan tugas," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Persidangan Energy Asia 2025 di sini, semalam.

Anwar menjelaskan, Kementerian Ekonomi adalah dulunya Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang kemudian dalam beberapa tahun ketika pentadbiran Pakatan Harapan (PH) selepas PRU14 dijadikan satu kementerian.

Beliau berkata, EPU adalah agensi yang berkesan di bawah JPM dan kemudian sebuah kementerian ditubuhkan yang sebenarnya menguruskan fungsi EPU.



Anwar melawat reruai pameran pada Energy Asia 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam. (Foto BERNAMA)

"Buat masa ini, tiada isu, tiada masalah. Jadi, mari kita teruskan," katanya.

Ura-ura tutup Kementerian
BH semalam melaporkan sumber berkata ada ura-ura untuk 'menutup' Kementerian Ekonomi selepas Rafizi nekad melepaskan jawatan anggota Kabinet.

Rafizi menerusi suratnya berkata kuat kuasa peletakan jawatannya ialah hari ini selepas bercuti hingga semalam.

Mengenai status peletakan jawatan Menteri Sumber Asli dan

Kelestarian Alam (NRES), Nik Nazmi Nik Ahmad, Anwar berkata, beliau telah memberi ruang kepada Nik Nazmi untuk berfikir dan renungan mengenai keputusan melepaskan jawatan itu.

Perdana Menteri juga telah memberikan pandangannya bahawa adalah lebih baik terus berkhidmat.

Rafizi dan Nik Nazmi masing-masing mengambil keputusan meletakkan jawatan selepas mereka gagal mempertahankan jawatan pada pemilihan pusat PKR baru-baru ini.

Rafizi gagal mempertahankan jawatan Timbalan Presiden manakala Nik Nazmi yang tarikh kuat kuasa peletakan jawatan pada 4 Julai ini kalah sebagai Naib Presiden dan Ketua Cabang Setiawangsa.

Mengenai Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), Anwar berkata, ia adalah membabitkan kerja Jemaah Menteri keseluruhannya.

Beliau berkata, memandangkan banyak perubahan yang berlaku dalam ekonomi global seperti tarif, justeru banyak angka unjuran yang perlu dirombak.